

Kerajaan jamin tidak aniaya sesiapa: PM

BH 10 OCT 2002
Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan kerajaan tidak menganiaya sesiapa apabila membuat keputusan muktamad mengenai pengajaran subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris tidak lama lagi.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga tidak berniat memberhentikan guru seperti didakwa sesengah pihak berikutan pengajaran bahasa Inggeris bagi dua subjek itu nanti lebih banyak menggunakan komputer.

“Kita tak nak buat sesuatu yang akan menganiaya masa depan anak-anak. Guru tidak harus takut mereka akan diberhenti kerja kerana tidak pandai mengajar dalam bahasa Inggeris.

“Kerajaan tidak ada niat memberhentikan mana-mana guru. Mereka boleh terus bekerja, boleh naik pangkat tetapi mereka mestilah mengajar dengan cara baru ini, iaitu melalui komputer,” katanya pada perhimpunan anjuran Gabungan Ikatan Persatuan Cina Malaysia, di Stadium Bukit Jalil di sini malam ini.

Perhimpunan ‘Terima

kata, kerajaan sedar bukan mudah untuk beralih daripada bahasa kebangsaan, Cina atau Tamil ke bahasa Inggeris secara serentak untuk berjuta-juta murid.

Katanya, isu itu sedang dikaji oleh kerajaan mengenai bagaimana ia boleh dilaksanakan tanpa memberi kesan buruk kepada masa depan pendidikan anak.

“Sebab itu, sebelum kita laksanakan cadangan ini, kita akan kaji sedalam-dalamnya. Saya minta sokongan semua pihak kepada

Kasih Perdana Menteri’ dihadiri lebih 10,000 mewakili kira-kira 500 persatuan pelbagai kaum dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bertujuan menyatakan sokongan padu kepada kerajaan meningkatkan penggunaan serta penguasaan bahasa Inggeris.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut meninjau pameran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pendidikan yang antara lain mempamerkan penggunaan komputer, projektor dan LCD yang akan mula digunakan di sekolah rendah kebangsaan terpilih tahun depan.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; beberapa menteri kabinet dan timbalan menteri serta Presiden Gabungan Ikatan Persatuan Cina Malaysia, Liew Poon Siak.

Pada 1 Oktober lalu, Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad mengumumkan bahawa pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris bagi tahun satu akan dilaksanakan mulai Mac depan dan Januari 2003 bagi sekolah menengah.

Bagaimanapun ketika di Melaka Khamis lalu, Dr Mahathir berkata kerajaan be-

sebelum kita laksanakan.

“Setelah kita kaji sama ada boleh buat atau tidak...komputer cukup atau tidak... semua ini akan kita kaji sebelum membuat keputusan. Saya harap rakyat akan menerima keputusan kerajaan kerana kerajaan tidak pernah menganiaya rakyat.

“Kita tak menyekat sesiapa pun untuk belajar sehingga ke peringkat universiti. Kita mahu generasi akan datang, generasi muda untuk mendapat

lum membuat keputusan muktamad mengenai perkara itu kerana masih meneliti sama ada akan mengecualikan sekolah tertentu daripada pelaksanaannya atau sebaliknya.

Isu itu mencetuskan kontroversi apabila beberapa pertubuhan Cina tertentu menentanginya. Kerajaan pula menerima pelbagai cadangan, termasuk supaya pengajaran dua subjek dalam bahasa Inggeris dimulakan pada peringkat sekolah menengah dan pada tahun empat serta bukan tahun satu seperti dicadangkan kerajaan.

Dr Mahathir dalam ucapan pada majlis yang disiarkan secara langsung oleh TV1 itu turut mengucapkan terima kasih kepada wakil pelbagai pertubuhan kaum yang hadir, termasuk Persatuan Orang Asli Semenanjung kerana pendirian menyokong rancangan kerajaan meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris.

Katanya, kerajaan tidak gopoh membuat keputusan mengenai dasar penggunaan bahasa Inggeris bagi dua subjek berkenaan kerana mahu mendengar terlebih dulu pendapat orang ramai, termasuk badan tertentu, ibu bapa dan anak-anak.

dik, mendapat gaji yang lebih baik dan kehidupan lebih baik,” katanya.

Beliau berkata, ia adalah hasrat kerajaan dan bukan untuk mengenyepikan mana-mana bahasa, malah undang-undang melindungi semua bahasa dan tidak benar kononnya kerajaan mahu menghapuskan mana-mana sekolah.

Dr Mahathir berkata, kaedah baru pengajaran menggunakan komputer membolehkan guru mengajar bahasa Inggeris wa-

“Ada orang menuduh, dengan menggunakan bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik maka kita tidak boleh bercakap dalam bahasa kita sendiri...kita akan hilang bahasa. Ini tidak benar sama sekali. Janganlah isu ini dipolitikkan.

“Kita tidak akan hilang bahasa kita semata-mata kita belajar ilmu dalam bahasa lain, dalam bahasa Inggeris. Budaya kita, bahasa kita tetap akan kekal. Bangsa kita juga akan kekal,” katanya.

Dr Mahathir juga ber-

itu, berbanding kaedah lama, iaitu guru mesti fasih bahasa Inggeris untuk mengajar bahasa itu.

Katanya, masyarakat Malaysia yang pelbagai kaum hendaklah bersatu dan perlu membuat keputusan secara bersama demi kepentingan rakyat dan masa depan negara.

“Niat kerajaan untuk memperkenalkan pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris ialah dengan harapan semua sekolah menggunakan bahasa